

2.1 Pendahuluan

Seperti mana diketahui, kedatangan Islam telah membawa perubahan yang sangat besar dalam masyarakat di alam Melayu. Perubahan tersebut merangkumi perubahan dalam pelbagai aspek seperti sosial budaya, kepercayaan dan pegangan, adat istiadat, perkembangan ilmu dan sebagainya lagi. Perkembangan Islam secara tidak langsung telah membawa kepada perkembangan ilmu-ilmu Islam itu sendiri. Ini juga dengan bantuan dan pertolongan dari ulama-ulama luar untuk melatih tokoh tempatan, maka dengan sebab ini dapat dilihat dalam beberapa abad seterusnya telah lahir cerdik pandai dan golongan ulama yang memainkan peranan penting dalam membentuk dan memimpin masyarakat¹. Sumbangan golongan ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek seperti melalui gerakan dakwah, sebagai guru dan tenaga pengajar, sebagai pemimpin masyarakat, menjadi tempat rujukan masyarakat dalam pelbagai permasalahan kehidupan dan sebagainya. Tambahan pula, sumbangan golongan ini yang paling besar adalah melalui usaha dan kesungguhan mereka menghasilkan karya-karya penulisan khususnya karya-karya yang menggunakan bahasa setempat yang sesuai untuk panduan dan rujukan masyarakat. Dalam pada itu secara tidak langsung telah membantu menyemarakkan lagi perkembangan ilmu tersebut.

Oleh itu, dalam bab pertama ini, tumpuan pengkaji adalah untuk mendedahkan sepantas lalu beberapa perkara yang berkaitan dengan perkembangan hadith di alam Melayu ini. Pengkaji mendahului dengan teori kedatangan Islam ke alam Melayu, dan seterusnya diikuti perkembangan ilmu di alam Melayu khususnya terhadap perkembangan hadith dan ilmunya melalui karya-karya awal yang dihasilkan.

¹ Lihat Abd Jalil Borhan (1996), *Sumbangan Ulama dalam perkembangan Islam di alam Melayu*, Jurnal Syariah, Jil. 4, Bil. 2. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 276-277.

2.2 Teori Kedatangan Islam ke Nusantara²

Dalam tempoh sebelum abad ke-16, menyaksikan Alam Melayu baru menerima kedatangan Islam. Banyak teori yang telah digarapkan sama ada oleh para sarjana di alam Melayu sendiri, mahupun usaha-usaha kajian dan penyelidikan yang dilakukan oleh golongan sarjana Barat tentang kedatangan Islam tersebut.

Berdasarkan penyelidikan dan kajian yang dilakukan oleh Prof Madya Dr. Mohammad Redzuan Othman³, beliau menyebutkan bahawa teori kedatangan Islam di Alam Melayu banyak dikemukakan para sarjana Barat. Melalui teori tersebut, para sarjana Barat seperti R.A. Kern, B. Schrieke, G.H. Bousquet, B.H.M. Vlekke, J. Gonda, T.W. Arnold, R.O. Winstedt, Brain Harrison dan lain-lain lagi yang lebih cenderung untuk mengemukakan teori bahawa Islam diperkenalkan di Alam Melayu melalui Benua Kecil India.⁴ Teori ini dibuktikan oleh mereka melalui beberapa bukti iaitu; Pertama, batu nisan yang ditemui di Pasai bertarikh 1428M (831H) dan batu nisan yang ditemui pada makam Maulana Malik Ibrahim (m.1419) di Grisik mempunyai persamaan dengan batu nisan yang ditemui di Cambay dan di Gujerat, India. Kedua, peranan pedagang-pedagang dari Gujerat, India yang telah datang berdagang ke Alam Melayu dan mengIslamkan masyarakat Melayu. Ini memandangkan Gujerat pada masa itu adalah sebuah bandar pelabuhan yang menjadi pusat pembuatan kapal dan aktiviti perdagangan. Mohd Hashim Othman juga

² Nusantara ialah kepulauan Melayu yang merangkumi dari selatan Thailand, keseluruhan Malaysia dan Indonesia termasuk Singapura dan Brunei hingga ke selatan Filipina. *Kamus Dewan*, (2003), cet. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 867.

³ Beliau adalah seorang pensyarah di Jabatan Sejarah di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan sehingga kini masih berkhidmat di sini.

⁴ Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, cet.1, h. 4.

menyebutkan demikian berdasarkan beberapa kenyataan dan pandangan para sarjana. Walaupun demikian, beliau menyebutkan bahawa Islam yang tersebar melalui selatan India iaitu Gujerat dan Malabar, sama ada melalui para pendakwah dari India sendiri (keturunan India) atau melalui pedagang dari Arab bermazhab Shāfi'i yang datang dari Gujerat dan Malabar tersebut. Ini kerana India terlebih dahulu menerima Islam.⁵ Tambahan pula dari pandangan G.E. Morrison yang mengkaji kemasukkan Islam ke Samudera-Pasai menyebutkan bahawa rantau ini (Melayu) mempunyai hubungan erat dengan India sejak zaman pra-Islam lagi melalui kajian beliau terhadap *Hikayat Raja-Raja Pasai*, dan Keempat, dikukuhkan lagi melalui pendapat A.H. Hill yang mengatakan bahawa kedua-dua bahagian India Utara dan India Selatan merupakan tempat datangnya pendakwah yang memainkan peranan dalam proses mengIslamkan orang Melayu.⁶

Selain itu, Mohd Hashim Osman yang memetik beberapa pandangan lagi seperti kenyataan Russell Jones dalam *Hikayat Raja Pasai*⁷ mengatakan bahawa terdapat beberapa orang sarjana yang mengatakan Islam datang terus dari Mekah oleh pendakwah-pendakwah yang dikaitkan dengan peristiwa pengIslamian Merah Silau (Merah Silu). Beliau kemudiannya memakai gelaran Sultan Malikul Saleh, seperti yang digambarkan dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*. Kemudian melalui kenyataan Mustafa Mohd. Isa yang menggunakan rumusan S.Q. Fatimi telah membahagikan proses kedatangan Islam ke Nusantara kepada dua peringkat iaitu; Peringkat pertama yang disebut sebagai peringkat tunas iaitu sekitar akhir kurun kelapan dan awal kurun kesembilan, dan peringkat kedua

⁵ Mohd Hashim Othman (2006), "Sufi dan Persuratan Nusantara", Ruangan Sastera, *Utusan Malaysia*, 29 Jun 2006, h. 1.

⁶ Mohammad Redzuan Othman (2005), *op.cit.*, h. 5.

⁷ Russell Jones (1987), *Hikayat Raja Pasai*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, h. 13-16.

pula ialah peringkat pengIslamam beramai-ramai.⁸

Kebanyakan kenyataan dan keterangan yang dikemukakan oleh Sarjana Barat membawa satu teori bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu adalah bersumberkan daripada India dengan cuba untuk menafikan bahawa ia bukan daripada sumber Tanah Arab. Oleh sebab itu, pelbagai alasan dan teori yang dikemukakan cenderung berkiblatkan kepada India sebagai sumber dan pencetus kepada pengIslamam orang-orang Melayu. Motif utama teori ini dikemukakan agar pada akhirnya diakui bahawa Islam yang datang ke Alam Melayu bukan daripada sumber asal yang sebenar. Inilah yang disebutkan sebagai dakyah dan propaganda golongan barat yang cuba menafikan kesucian Islam yang sebenar dengan membawa pelbagai teori yang tertumpu pada sesuatu perkara atau tempat dan mewar-warkannya di samping menegelamkan teori yang sebenar.

Namun, para sarjana tempatan menafikan sekeras-kerasnya teori ini dan mereka mempunyai asas hujah yang kukuh bagi menguatkan bahawa Islam yang datang ke Alam Melayu adalah daripada sumber asal Semenanjung Tanah Arab. Kajian yang dilakukan bukan sahaja merujuk kepada sumber yang digunakan oleh para pengkaji Barat tetapi turut menjadikan sumber tempatan sebagai satu rujukan penting. Oleh sebab itu, terdapat kecenderungan kepada sebelah pihak di kalangan para sarjana Barat yang hanya sekadar merujuk kepada kajian mereka semata-mata tanpa disertakan dengan rujukan dan sumber tempatan itu sendiri.

Antara sumber tempatan yang jelas menyatakan peranan orang Arab dalam sejarah pengIslamam orang-orang Melayu adalah seperti *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan *Sejarah*

⁸ Mohd Hashim Othman (2006), *op.cit.*, h. 1-2.

Melayu. Dalam *Hidayat Raja-Raja Pasai* diceritakan tentang pemerintah dan pengasas kerajaan Pasai iaitu Merah Silu bermimpi bertemu Rasulullah s.a.w, diIslamkan dan dikenali sebagai Sultan Malikul Saleh.⁹ Disebutkan juga tentang kedatangan Sheikh Ismail yang telah dihantar oleh pemerintah Makkah untuk menyebarkan Islam di Pasai. Manakala dalam *Sejarah Melayu*, disebutkan berkenaan Sultan Muhammad Shah Melaka yang juga bermimpi bertemu Rasulullah s.a.w dan diajarkan kepada baginda *shahādah*. Tambahan lagi, baginda juga diminta untuk menyambut keesokkan hari, seorang Arab dari Jeddah iaitu Sayid Abdul Aziz di pelabuhan. Dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* pula, terdapat peristiwa pengIslamahan Sultan Kedah oleh seorang pendakwah Arab bernama Sheikh Abdullah al-Yamānī yang dikatakan datang terus dari Semenanjung Tanah Arab. Sultan Kedah selepas itu dikenali sebagai Sultan Muzaffar Shah.¹⁰

Terdapat banyak lagi bukti yang lebih cenderung kepada teori kedatangan Islam di Alam Melayu adalah terus daripada semenanjung Tanah Arab. Pengkaji, tidak akan menghuraikan lebih lajut berkenaan perkara tersebut kecuali sebagai satu titik tolak kepada pengIslamahan dunia Melayu dan seterusnya ke arah pembentukkan peribadi masyarakat melalui ilmu-ilmu Islam serta transformasi Islam terhadap ideologi, budaya dan cara hidup masyarakat Melayu.

Menurut Dato' Haji A. Aziz Deraman dalam sebuah artikel, beliau menyatakan bahawa kedatangan Islam telah membawa perubahan yang ketara dan memberi kesan yang besar kepada masyarakat di alam Melayu khususnya merujuk kepada perubahan sosio budaya iaitu menyentuh beberapa aspek seperti pendidikan dan pengembangan ilmu,

⁹ *Op.cit.*, h. 7.

¹⁰ Haji Abdul Malik bin Karim bin Amrullah (Hamka) selepas ini Hamka (1997), *Sejarah Umat Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 677 dan lihat juga Mohammad Redzuan Othman (2005), *ibid.*, h. 8.

bahasa dan persuratan, kebudayaan dan kesenian, politik dan pentadbiran, serta dari aspek isu dan cabaran semasa kehidupan sosial umat.¹¹

Pengkaji tidak akan memanjangkan lagi perkara ini, cuma sekadar sentuhan awal untuk membuktikan bahawa pengIslam masyarakat di alam Melayu adalah daripada sumber-sumber yang asal yang dibawa oleh para pendakwah dari Tanah Arab walaupun pada masa yang sama kedatangan mereka untuk berdagang. Oleh sebab itu, salah satu faktor utama pengIslam masyarakat di alam Melayu adalah melalui aktiviti perdagangan. Bermula daripada titik tolak pengIslam ini menjadikan masyarakat Melayu sangat sinonim dengan Islam itu sendiri. Bahkan, di Tanah Melayu (Malaysia), satu ungkapan disebutkan bahawa “*masuk Islam itu bermaksud masuk Melayu*” atau dengan istilah lain digambarkan Melayu itu sudah pasti ianya Islam.¹²

2.3 Perkembangan Ilmu di Nusantara

Dalam lingkungan abad ke-18 hingga awal abad ke-20 menyaksikan Alam Melayu mengalami kepesatan perkembangan ilmu-ilmu Islam. Terdapat beberapa faktor yang telah menyemarakkan lagi perkembangan tersebut sama adalah secara langsung ataupun tidak langsung. Antaranya sikap dan kesungguhan para ibu dan bapa yang berkemampuan untuk menghantar anak-anak mereka menuntut ilmu di Timur Tengah. Destinasi utama ketika itu adalah seperti Hijaz, Madinah dan sebagainya lagi.¹³ Bahkan Masjid al-Haram di Makkah al-Mukarramah menjadi satu institusi yang sangat penting dalam proses pendidikan

¹¹ A. Aziz Deraman, Dato' Haji (t.t), *Kedatangan Islam dan Pembudayaan Alam Melayu*, Kuala Lumpur, h. 2.

¹² Daripada catatan dalam sebuah artikel yang ditulis oleh Ustaz Hasrizal yang bertajuk "Korbankan Melayu Demi Islam?". Lihat laman web beliau <http://saifulislam.com>. 13 Januari 2008.

¹³ Mohammad Redzuan Othman (2005), *op.cit.*, h. 63.

tersebut. Sehinggakan pada ketika itu telah lahir tenaga-tenaga pergajar di sekitar Masjid al-Haram yang terdiri daripada ulama-ulama kelahiran alam Melayu sendiri.

Dalam tempoh beberapa tahun selepas itu, hasil daripada pendidikan yang diterima di Timur Tengah, telah lahir di kalangan masyarakat Melayu dari Nusantara yang mahir dan berpengetahuan yang luas khususnya tentang agama Islam itu sendiri. Kepulangan mereka setelah beberapa lama menuntut ilmu ke tanah air masing-masing, menyemarakkan lagi perkembangan ilmu tersebut. Mereka telah mengambil pelbagai inisiatif untuk membantu dan memimpin masyarakat kepada ajaran Islam yang sebenar. Hasilnya lahir dalam lingkungan abad ke-18 pondok-pondok yang khusus untuk pendidikan anak-anak di Alam Melayu. Kesan daripada penubuhan pondok-pondok tersebut mempercepatkan lagi perkembangan tersebut.

Selain daripada itu, usaha para ulama secara tidak langsung adalah seperti menjadi pemimpin dalam masyarakat, di mana mereka akan dihormati dan dipandang tinggi melalui kepimpinan tersebut. Peranan ini menjadi satu kemudahan kepada mereka untuk menyebarkan ilmu-ilmu yang dimiliki. Bahkan, mereka juga menjadi tempat rujukan segala permasalahan tentang keagamaan dan persoalan-persoalan semasa yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Pada masa yang sama berperanan sebagai guru dalam mendidik masyarakat. Dengan itu, peranan mereka dalam berdakwah dan memimpin masyarakat adalah sangat penting. Pelbagai kaedah dan metode yang digunakan oleh mereka (para ulama) untuk berdakwah di samping menyebarluaskan ilmu yang dimiliki agar dapat dikuasai dan difahami oleh masyarakat.

Sebagai contohnya, Wali Songo atau Wali Sembilan¹⁴ telah memainkan peranan penting dalam gerakan dakwah terhadap masyarakat Jawa. Masyarakat Jawa yang pada awalnya merupakan kalangan masyarakat beragama Hindu-Buddha. Mereka banyak dipengaruhi oleh agama tersebut yang bertapak sejak berabad lamanya sebelum kedatangan Islam lagi.¹⁵ Kehidupan mereka diwarnai dengan kepercayaan tradisional yang banyak dipengaruhi oleh kepercayaan berbentuk mistik. Tambahan lagi, mereka juga menggemari seni seperti wayang kulit, seni suara dan seni ukir.¹⁶ Berdasarkan keadaan dan suasana masyarakat Jawa demikian, di atas kebijaksanaan dan *hikmah* yang dimiliki oleh mereka (Wali Songo), mereka telah membentuk kaedah dan metode tersendiri dalam dakwah mereka. Antara pendekatan yang digunakan seperti berdakwah melalui kesenian dan kebudayaan, mengadakan pusat gerakan iaitu masjid, melatih kader (angkatan pelapis), melalui khidmat masyarakat, menarik perhatian masyarakat dan lain-lain lagi.¹⁷ Kebanyakan metode atau pendekatan tersebut adalah mengikut suasana dan keadaan masyarakat pada ketika itu. Keadaan ini menjadikan masyarakat Jawa tertarik untuk mendekati Islam dengan lebih baik dan pada masa yang sama melahirkan kesedaran dalam diri mereka bahawa tidak ada unsur paksaan dalam Islam. Dengan itu, dapat dilihat bahawa peranan ulama, kemahiran dan kebijaksanaan yang dimiliki oleh mereka sekali gus membawa perubahan besar dalam masyarakat.

¹⁴ Mereka terdiri daripada Maulana Malik Ibrahim (m.1419) yang menetap di Gresik, Jawa Timur, Raden Rahmat (1401-1478) atau Sunan Ampel yang menetap di Surabaya, Makdum Ibrahim (1465-1525) atau Sunan Bonang yang menetap di Tuban, Jawa Timur, Syarifuddin (akhir abad ke-15) atau digelar Sunan Drajat yang menetap di Jawa Timur, Raden Paku (akhir abad ke-15) atau Sunan Giri yang menetap di Giri, Jawa Timur, Syarif Hidayatullah (m.1570) atau Sunan Gunung Jati yang menetap di Gunung Jati, Jaafar Shadiq (m.1628) atau Sunan Muria yang menetap di Gunung Muria, Jawa Tengah dan Raden Mas Syahid (akhir abad ke-15) aatu dikenali sebagai Sunan Kalijaga. Lihat Abd Aziz Mohd Zain (1997), "Metode Da'wah Wali Songo", *Jurnal Usuluddin*, Bil.7, Syaaban 1418H/ Disember 1997M, h. 34.

¹⁵ Abd Aziz Mohd Zain (1997), *ibid.*, h. 35 dan lihat juga Widji Saksono (1995), *Mengislamkan Tanah Jawa*, Bandung: h. 228-230.

¹⁶ Abd Aziz Mohd Zain (1997), *ibid.*

¹⁷ *Ibid.*, h. 36-43.

Tambahan lagi, selain daripada usaha demikian, sebahagian ulama mengambil inisiatif lain dengan berusaha menghasilkan karya-karya untuk tatapan dan panduan masyarakat sama ada melalui karya asli, saduran atau aktiviti terjemahan kitab-kitab Arab ke dalam bahasa ibunda (Melayu), yang menyumbang ke arah mempercepatkan lagi proses perkembangan tersebut. Kegiatan keilmuan ini sebenarnya mendapat dukungan penuh daripada pihak pemerintah sejak awal lagi. Bermula sejak pemerintahan kerajaan Perlak, Pasai, diikuti zaman Kesultanan Melaka (1400-1511M), Kesultanan Acheh (1511-1650M), Kerajaan Riau dan lain-lain lagi.¹⁸ Kegemilangan penghasilan karya ini berulang pada abad ke-17 di mana para ulama bergiat cergas dalam bidang ilmu Islam melalui aktiviti penulisan khususnya dalam bidang tasawuf, perundangan Islam (fikah) dan tauhid (usuluddin). Malahan pada abad ini juga merupakan abad kemuncak penghasilan ilmu tasawuf dirantau ini.¹⁹ Manakala penulisan fikah dan tauhid mencapai kemuncaknya pada abad ke-19 dengan menampilkan beberapa tokoh ulama besar dunia Melayu.²⁰

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa peranan para ulama khususnya yang lahir dari Timur Tengah memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan ilmu di Nusantara khususnya lingkungan abad ke-18 sehingga awal abad ke-20. Antara nama-nama ulama yang lahir dan memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu di Nusantara dapat dilihat melalui beberapa generasi iaitu;²¹

¹⁸ Fauzi Deraman (1997), "Karya-Karya Hadis Dalam Tulisan Jawi", *Jurnal Usuluddin*, Bil.7, Syaaban 1418H/ Disember 1997M, h. 164.

¹⁹ *Ibid.*, h. 165. Lihat juga Yusuf Zaki Yaakob, "Masalah Pengasingan Saterawan Melayu Dalam Intelektualisme Islam", dalam Ismail Hussein (1984), *Sastera dan Agama*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

²⁰ Fauzi Deraman (1997), *ibid.*, h. 165.

²¹ Wan Mohd Shaghir Abdullah (1416H/1996), "Pengenalan Ulama Asia Tenggara Dahulu dan Sekarang", (Kertas kerja dibentangkan pada Seminar Ulama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 23 Sya'ban 1416H/ 14 Januari 1996M di Kuala Lumpur, anjuran Persatuan Ulama Malaysia), h. 7.

Generasi pertama seperti Sheikh Nuruddin al-Rānīrī (w.1069H/1658M)²², Sheikh ‘Abdul Ra‘uf Singkel (1024-1105H/1615-1696M)²³, Sheikh Hamzah al-Fansurī (Abad 16-17)²⁴, Syamsuddin al-Sumatrānī (Abad 16)²⁵ dan lain-lain.

Generasi kedua seperti Sheikh Abdul Samad Palembang (1244H/ 1828M)²⁶, Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatānī (1769M-1847M),²⁷ Muhammad Arsyad al-Banjārī (1122-

²² Beliau adalah seorang ulama yang berasal dari India dan berketurunan Arab Quraisy Hadramaut. Dilahirkan di Ranir di kawasan Gujerat, India tetapi tidak dapat dipastikan tarikh kelahiran beliau. Untuk maklumat lanjut, lihat Drs. Shalahuddin Hamid dan Drs. Iskandar Ahza (2003), *Seratus Tokoh Islam Yang Paling Berpengaruh di Indonesia*, Jakarta: Pt. Nusantara Lestari Ceriapratama, h. 137-140.

²³ Beliau dilahirkan di Aceh pada tahun 1024H/1615M. Nama asal beliau adalah Aminuddin Abdul Ra‘uf bin ‘Alī al-Jawi al-Fansurī al-Singklī. Bapa beliau adalah seorang Arab yang menghawini ibu beliau di Fansur dan menetap di Singkel. Untuk keterangan lanjut lihat *Ibid.*, h. 55-61.

²⁴ Tidak ada maklumat tepat yang menjelaskan secara jelas berkaitan tarikh kelahiran dan kematian al-Fansurī. Tetapi disebutkan bahawa beliau hidup pada pertengahan abad ke-16 hingga awal abad ke-17M. Beliau berasal dari Fansur (Barus) dan merupakan seorang penyair pada zamannya. Beliau dikatakan banyak dipengaruhi oleh pemikiran filsafat Ibn 'Arabī. Nama beliau banyak dijumpai di dalam syair-syair beliau sendiri dan beberapa naskah kitab pada abad ke-17 termasuk karya Nuruddin al-Rānīrī seperti *Fath al-Mubīn 'alā al-Mulhīdīn* dan *Tibyān fī Ma'rīfat al-Adyān*. Walaupun demikian, nama beliau disebutkan di dalam kedua karya tersebut dengan nada negatif kerana beliau dianggap sebagai pembawa ajaran *wujudiyyah*. Antara karya-karya beliau adalah; *Syair Burung Pingai*, *Syair Perahu*, *Syair Dayang*, *Syair Sidang Fakir*, *Asrār al-'Ārifīn*, *Sharab al-'Āshikīn*, *Rubba al-Muhakkīkinā*, *Kashf al-Sir al-Tajallī al-Subhānī*, *Muntahi* dan *Asrār al-'Ārifīn fī Bayān 'Ilm al-Sulūk wa Tawhīd*. Lihat *Ibid.*, h. 114-117.

²⁵ Seperti mana dicatatkan oleh Drs. Shalahuddin Hamid dan Drs. Iskandar Ahza, maklumat jelas berkaitan latar belakang kelahiran al-Sumatrānī juga tidak jelas kecuali disebutkan bahawa beliau adalah anak murid Hamzah al-Fansurī. Lihat *ibid.*, h. 289.

²⁶ Beliau dilahirkan setelah beberapa tahun penabalan Tengku Muhammad Jiwa sebagai Sultan Kedah iaitu selepas tahun 1122H/ 1704M dan meninggal dunia dalam lingkungan tahun (1244H/ 1828M). Lihat Khadher Ahmad (2007), “Sumbangan Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani Dalam Bidang Hadith: Analisis Metodologi Penyusunan dan Takhrij Hadith Dalam Kitab Hidayah al-Salikin”, (Disertasi Sarjana, Bahagian Usuluddin, Akademi Pegajian Islam Universiti Malaya), h. 32.

²⁷ Nama penuh beliau adalah Dawud bin Idris al-Jāwī al-Fatānī al-Malayuwī. Ibu beliau bernama Wan Fatimah anak kepada Wan Salmah yang beribukan Wan Nisah isteri kepada Tok Bendahara Wan Su bin Wan Yusuf. Beliau dilahirkan di Kampung Parik Marhum, Kerisik, Patani iaitu kira-kira 7 kilometer disebelah selatan Bandar Patani sekarang. Tarikh kelahiran beliau yang disepakati oleh para ulama adalah pada 1 Muharam 1183H/ 7 Mei 1769M. Beliau sezaman dengan Sheikh Muhammad Arshad al-Banjārī dan Sheikh Abdul Samad al-Falimbānī. Antara ulama yang seangkatan beliau yang lain adalah; Sheikh Muhammad Syihabuddin bin Zainal Abidin (pengarang *Rawdah al-Janān*, 1218H/1803M), Syeikh Abdullah bin Ismail (pengarang *Syifā' al-Qulūb*, 1225H/1810M), Syeikh Muhammad bin Syeikh Ahmad Khatib (pengarang *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*, 1237H/1821M) dan ramai lagi. Ahmad Fathy menyenaraikan jumlah karya Syeikh Daud al-Fatānī sebanyak 41 buah yang terdiri daripada 24 buah karya yang dikenal pasti, 6 buah karya yang tidak dinyatakan dan 11 buah karya yang hanya diketahui namanya sahaja. Antara karya-karya beliau iaitu *Kifayah al-Muhtaj* (27 Muharam 1224H/ 14 Mac 1809M), *Idāh al-Bāb* (9 Rabi‘ul Awal 1224H), *Ghāyah al-Taqrīb* (5 Safar 1226H), *Nahj al-Rāghibīn* (1226H), *Bulūgh al-Maram* (1227H) dan lain-lain lagi. Lihat Ahmad Fathy al-Fatānī (2002), *Ulama Besar Dari Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 25-35, Ismail Che Daud (1992), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Malaysia (1)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, h. 15-18, Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, h. 15, dan lihat

1227H/ 1710-1812M)²⁸, Sheikh Muhammad bin Nafīs al-Banjārī (w. 1792M)²⁹ dan lain-lain.

Generasi ketiga seperti Sheikh Muhammad Zain al-Faṭānī,³⁰ Sheikh Ahmad bin Muhamad Zain al-Faṭānī,³¹ Sheikh Ahmad Khatib Minangkabau,³² Sheikh Nawawi al-

juga Rosni Wazir (2006), "Hadis-Hadis Dalam Kasyf Al-Ghummah Juzuk Pertama Karya Syeikh Daud Al-Fatani: Takhrij Dan Ulasan", (Disertasi Sarjana, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam), h. 49-50.

²⁸ Beliau dilahirkan pada 5 Safar 1122H bersamaan 17 Mac 1710M di Kampung Lok Gabang, Martapura, Banjarmasin. Bapanya Abdullah merupakan seorang pemuda yang dikasih sultan (Sultan Hamidullah atau Tahmidullah bin Sultan Tahilullah 1700-1734M). Bapa beliau bukan merupakan orang Banjar, tetapi datang dari India, mengembara untuk menyebarkan dakwah. Beliau meninggal dunia pada malam Selasa iaitu di antara waktu Maghrib dan Isyak, pada 6 Syawal 1227H bersamaan 13 Oktober 1812M ketika berusia 105 tahun dengan meninggalkan sumbangan yang besar terhadap masyarakat Islam di Nusantara. Antara kitab-kitab yang pernah ditulis oleh beliau adalah Kitab *Usuluddin* (ditulis pada 1188H/1774M dalam bahasa Melayu berkaitan tauhid), *Luqtah al-'Ajlān fī Bayān Ḥaḍ wa istiḥādah wa nifās al-Niswān* (pernah dicetak di Indonesia pada tahun 19920, *Tuḥfah al-Rāghibīn* (ditulis pada 1188/1774M dan pernah diterbitkan di Mesir pada tahun 1353H), *al-Qawl al-Mukhtasar fi 'Alāmat al-Mahdī al-Muntazar* (Mula ditulis pada 1196H dan pernah dicetak di Singapura pada tahun 1356H), *Ilmu Falak* (dalam bahasa Arab), *al-Nikah* (pernah diterbitkan di Istanbul pada tahun 1304H) dan *Sabil al-Muhtadin* (sebuah kitab beliau yang masyhur di alam Melayu dalam bidang fikah). Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1424H/2003M), "Mengenali Pelbagai Karya Ulama dan Tokoh Borneo/Kalimantan", (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nadwah Ulama Nusantara II pada 14-15 Julai 2003 bersamaan 14-15 Jamadil Awal di Holiday Inn, Kuching, Sarawak anjuran Kerajaan Negeri Sarawak dan Fakulti Pengajian Islam UKM, Bangi, Selangor), h. 1-5 dan Tajuddin Saman (1993), *Ulama Nusantara*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, h. 28-30. Lihat juga Majalah *Dewan Agama*, Mei 2005, h. 46-47 dan laman web; Usrah Ibn Masran al-Banjari, <http://tarbiyyahibnumasran.blogspot.com/2007/06/mengenali-tokoh-ulama-banjar.html>. 13 Januari 2008.

²⁹ Beliau adalah Muhammad Nafīs b. Idris al-Banjārī yang merupakan seorang ulama Sufi Melayu dari Kesultanan Banjar, Borneo Utara. Beliau adalah pengarang kepada karya tasawuf berjudul *al-Dūrr al-Nafīs*. Karya ini diselesaikan penulisannya di Makkah lingkungan tahun 1200H/1785-1786M. Beliau pernah belajar di Makkah, Madinah, Mesir. Beliau merupakan murid termuda dari kalangan ulama sezaman Sheikh Muhammad Arshad al-Banjārī, Sheikh Abdul Samad al-Falimbānī, Sheikh Wahab Bugis dan Sheikh Abdul Rahman al-Masrī. Antara guru-guru beliau adalah; Sheikh Siddiq b. 'Umar Khān, dan Muhammad b. 'Abd al-Karīm al-Sammān (W.1775 di Madinah), 'Abdallāh b. Hijāzī al-Sharqāwī (w.1812), Muhammad b. Ahmad al-Jawhārī (w.1800), Sheikh Yūsuf Abū Dharr al-Misrī, dan Mahmūd al-Kurdī, Sheikh Abdul Rahman bin Abdul Aziz al-Maghribī serta ramai lagi. Terdapat dua buah karya beliau yang ditemui, iaitu *al-Dūrr al-Nafīs* dan sebuah manuskrip *Majmu' al-Asrār li Ahlillah al-Athyar*. Karya *al-Dūrr al-Nafīs* selesai ditulis pada 27 Muharam 1200H/30 November 1785 M. Lihat Ulama Blogspot,<http://ulama.blogspot.com/2005/09/syeikh-muhammad-nafis-al-banjari.html>, 7 Februari 2008

³⁰ Beliau adalah bapa kepada Syeikh Ahmad al-Faṭānī. Menurut Syeikh Ahmad al-Faṭānī, bapa beliau Sheikh Muhammad Zain al-Faṭānī lahir dalam tahun 1233H/1817M.

³¹ Beliau adalah seorang ulama tekemuka dan amat peka dengan perkembangan semasa dan boleh ditarafkan sebagai seorang Tokoh Penyelidikan Dan Pembangunan Dunia Melayu. Beliau telah berjaya menguasai 47 jenis ilmu pengetahuan. Di peringkat antarabangsa, beliau telah dilantik sebagai Tokoh Bahasa Dan Sastera Arab Kerajaan Turki di Hijaz pada 28hb Rejab 1307H/1889M. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), "Syeikh Ahmad al-Faṭānī: Ulama Dan Tokoh Persuratan Melayu Dari Zaman Klasik Ke Arah Dunia Moden", (Kertas Kerja Dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu IV pada 14-16 Ogos 1995 Anjuran Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka), h. 3-5.

Bantāñi,³³ Sheikh al-Muḥaddith al-Musnid al-Faqīh al-Ushulī Muhammad Mahfudz Termas³⁴ dan lain-lainnya.

³² Nama penuh beliau adalah Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Lathif bin Abdullah al-Minankabawi. Beliau dilahirkan di Minangkabau, Sumatera Barat pada hari Isnin, 6 Zulhijjah 1276H bersamaan dengan 26 Jun 1860 M dan wafat di Mekah pada 9 Jamadilawal 1334H/13 Mac 1916M. Beliau mendapat pendidikan di sekolah pemerintah Belanda di Minangkabau dan pada masa yang sama menerima pendidikan agama daripada keluarga sendiri. Setelah berada di Mekah barulah beliau mendapat pendidikan agama yang mendalam daripada ulama Mekah seperti Sayid Bakri Shaṭā, Sayid Ahmad bin Zaini Dahlān, Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki dan lain-lain. Menurut Wan Mohd Shaghir Abdulllah, beliau mendapatkan bahawa melalui kajian yang telah dilakukan terhadap ulama ini, Syeikh Ahmad Khatib adalah seorang ulama yang paling banyak melakukan polemik dalam pelbagai bidang keilmuan. Antaranya polemik dengan golongan pemegang adat Minangkabau, terutama tentang hukum pusaka, menyanggah beberapa pendapat Barat tentang kedudukan bumi, bulan dan matahari, serta peredaran planet-planet lainnya di mana, beliau mengganggap bertentangan dengan pemikiran sains ulama-ulama Islam yang arif dalam bidang itu, menentang ajaran Kristian terutama tentang "trinity", dalam permasalahan mendirikan masjid untuk solat Jumaat, Syeikh Ahmad Khatib berkontroversi dengan Sayid Uthman (Mufti Betawi) dan beberapa ulama yang berasal dari Palembang dan ulama-ulama Betawi lainnya. Antara karya-karya penulisan beliau adalah; *Al-Jawhar al-Naqiyah fī al-A'mali Jaibiyah* (bahasa Arab), *Hashiyat al-Nafahāt `alā Sharh al-Waraqat* (bahasa Arab), *Rawḍah al-Hussab fī A'mali `Ilmil Ḥisāb* (bahasa Arab), *al-Da'il Masmu' fī al-Raddī `alā man Yurith al-Ikhwah wa Awlād al-Akhawat ma'a Wujud al-Uṣūl wa al-Furū'* (bahasa Melayu), *`Alam al-Hussab fī `Ilmil Hisāb* (bahasa Melayu), *Al-Manhaj al-Masyru' Tarjamah Kitab Ad-Da'il Masmu'* (bahasa Melayu), *Dhaw al-Siraj* (bahasa Melayu), dan *Shuhūt al-Jama'atāin bi Jawāzi Ta'addudil Jum'atāin* (bahasa Arab). Lihat Ulama Blogspot, <http://ulama.blogspot.com/2005/03/syeikh-ahmad-khatib-al-minankabawi.html>, 17 Mac 2005.

³³ Nama sebenar ulama ini adalah Muhammad Nawawi yang dilahirkan di kampung Tanara, Kecamatan Tirtayasa, Kabupaten Serang, Propinsi Banten, pada tahun 1230H/1813M dan meninggal dunia pada usianya 84 tahun, iaitu 25 Syawal 1314H/1879M, di Shib Ali, Makkah. Jenazah beliau dikuburkan di perkuburan Ma'la Makkah, berdekatan dengan kuburan Ibn Hajar dan Sayyidah Asma' binti Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a. Silsilah keturunan Imam Nawawi dari pihak ayahnya berasal dari keturunan Saydina Husayn bin Abī Ṭālib r.a. dan dari pihak ibunya Imam Nawawi- Nyi Zubaidah- Muhammad Singaraja. Antara karya-karya yang pernah ditulis oleh beliau adalah, *al-Tafsīr al-Munīr li Ma'ālim al-Tanzīl* (masalah tafsir al-Quran), *al-Thīmar al-Yāni'at* (membahas masalah *fiqh*), *Tanqīh al-Qawl* (sebuah ulasan kitab *Lubāb al-Ḥadīth* karya Imam Jalaluddin al-Suyūṭī), *al-Tawshīh*, (ulasan kepada kitab *Fath al-Qarīb al-Mujīb al-Musamma bi al-Taqrīb Ibn Qāsim al-Ghāzī* yang berkaitan masalah *fiqh*), *Nūr al-Zulam* (membahas masalah tauhid), *Madārij al-Su'ūd* (ulasan kepada Maulid al-Nabawi Imam Sayyid Ja'far dan membahas masalah sejarah kelahiran Nabi), *Fath al-Mujīd* (ulasan kepada kitab *al-Darr al-Farīd fī al-Tawhīd* Imam Ahmad Nawawī yang berkaitan masalah tauhid), *Fath al-Šamad* (sebuah ulasan kepada Maulid al-Nabawi Ahmad Qasim al-Malikī iaitu permasalahan kelahiran Nabi), *Sulam al-Munajat* (sebuah ulasan kepada *Safinat al-Solat Sayyid Abdullah bin Umar al-Hadramī* (masalah fikah), *Sulam al-Fuḍalā'* (karya yang mengulas kitab *Manzumat al-Azkiya'* Syeikh Imam Fadhl Zainuddin iaitu berkait dengan masalah akhlak dan tasawuf), *Naṣā'ih al-Tbād* iaitu ulasan kepada *Al-Munbiḥat 'Ala al-Isti'dad li Yaum al-Ma'ād* karya Syeikh Syihabuddin Ahmad al-Asqalānī yang membicarakan nasihat tentang persiapan menghadapi hari akhir), *Uqūd al-Lujān fī Bayān Huqūq al-Zawjain* (masalah hak dan kewajipan suami-isteri.), *Fath Ghāfir al-Khattiyah*, (ulasan kepada *Nudhum al-Jurumiyah al-Musamma bi al-Kawka'b Al-Jāliyah* karya Imam Abdul Salam al-Nabrawī iaitu kitab ini membahaskan masalah nahwu) dan lain-lain. Lihat Arpandi Ismail (2008), "Tafsir al-Qur'an di Sumatera, Indonesia: Kajian Terhadap Metodologi Kitab Tafsir al-Qur'an al-Karim Oleh Abdul Halim Hassan, Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami", (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 32.

³⁴ Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah bin Abdul Mannan bin Abdullah bin Ahmad at-Tarmasi/Termas. Beliau dilahirkan di Termas, Pacitan, Jawa Tengah, pada 12 Jamadilawal 1285 H/31 Ogos 1868 M, dan wafat di Mekah pada 1 Rejab 1338 H/20 Mac 1920 M. Beliau tidak banyak dikenali oleh masyarakat awam dunia Melayu memandangkan karya yang dihasilkan oleh beliau dalam bahasa Arab yang menjadi rujukan ulama peringkat antarabangsa. Beliau merupakan ulama Melayu yang menghasilkan banyak karya penulisan khususnya dalam bahasa Arab seperti mana Syeikh Nawawi al-Bantāñi, Syeikh Ahmad al-Faṭāñi, Syeikh

Generasi keempat seperti Tok Kenali,³⁵ Pak Da 'Eil (wafat 1965 M),³⁶ al-Mufti Muhammad Nor bin Ibrahim (1905M-1987M),³⁷ Tok Guru Abdullah Tahir Bunut Payung,³⁸ Tok Guru Hj. Abdul Aziz Pasir Tumboh³⁹ dan ramai lagi.

Ahmad Khatib Minangkabau dan Syeikh Abdul Hamid Kudus. Antara karya-karya beliau adalah; *Al-Siqāyah al-Marqiyah fi Asam Kutub al-Fiqhiyah li Aṣḥābinā al-Shāfi'iyyah*, diselesaikan pada hari Jumaat, Syaaban 1313 H, *Muhibah zil Fadhlī 'ala Syarh al-'Allamah Ibnu Hajar Muqaddimah Ba Fadhal*, kitab ini empat jilid dan tebal. Jilid pertama diselesaikan pada 25 Safar 1315 H, tebal 556 halaman, *Kifayatul Mustafid lima 'ala minal Asanid*, diselesaikan pada hari Selasa, 19 Safar 1320 H, *Manhaj Zawin Nazhar fi Sharḥ Manzumati 'Ilm al-Atsar*, diselesaikan pada tahun 1329 H/1911 M, *Al-Khal'ah al-Fikriyah fi Sharḥ al-Minhah al-Khayriyah*, *Al-Badrul Munīr fi Qira'ati Ibn Kathīr*, *Tanwīr al-Shadr fi Qira'at Ibn 'Amr*, *Inshirah al-Fawā'id fi Qira'at Hamzah*, *Ta'mim al-Manāfi' fi Qira'at Nāfi'* dan beberapa buah lagi. Lihat Ulama Blogspot, <http://ulama.blogspot.com/2005/06/syeikh-mahfuz-at-tarmasi.html>, 16 Jun 2005.

³⁵ Nama sebenar tokoh pendidik yang dilahirkan di Kg. Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu pada 1287H/1870M ini ialah Haji Mohd. Yusoff Ahmad. Menuntut di Makkah selama 22 tahun (1350H-1327H). Seorang yang sangat alim dalam ilmu tatabahasa Arab (nahu/soraf), malahan beliau merupakan perintis kemasukan mata pelajaran ini ke dalam kurikulum pengajian pondok (sebelum itu tertumpu kepada usuluddin, *fiqh* da tasawauf sahaja). Walaupun Tok Kenali tidak meninggalkan karya tulis yang besar seperti Tuan Padang, Tuan Tabal dan Tuk Wan Ali Kutan, namun beliau berjaya melahirkan satu angkatan ulama pelapis paling berwibawa, bukan saja di negeri Kelantan, tetapi juga di luar Kelantan. Antara murid-murid jempolan beliau termasuklah: Haji Mat Jebeng, Haji Che Mat Padang Mengkali, Lebai Deraman Pasir Mas, Haji Seman Sering (Syeikh Osman Jalaluddin al-Kalantani), Haji Yaakub Lorong Gajah Mati, Haji Abdul Kadir Melor, Haji Abdullah Tahir Bunut Payung, Haji Yusof Padang Bemban, Haji Awang Lambor, Dato' Haji Ahmad Maher al-Azhari, Haji Ali Pulau Pisang, Haji Abdul Majid Kayu Rendang, Haji Mat Pauh, Haji Awang Serendah, Haji Daud Bukit Abal, Haji Awang Beta, Haji Hamzah Padang Bemban, Haji Ismail Perol, Dato' Haji Ismail Yusoff, Haji Abdul Rahman Lubuk Tapah, Haji Hasbullah Bot dan Haji Nor Bot. Manakala dari luar Kelantan pula tersenarai nama-nama seperti Haji Wan Abdul Latiff Jerteh, Haji Zainal Abidin Dungun, Dato Haji Hassan Yunus al-Zahari (Menteri Besar Johor), Dato Haji Abdul Rahim Yunus, (Mufti Kerajaan Johor), Haji Abdul Wahid Osman Sungai Udang, Haji Ibrahim Bongek Rembau, Syeikh Mohd. Idris al-Marbawi al-Azhari Kuala Kangsar, Haji Osman Bukit Besar, Haji Abdullah Abbas Nasution Jitra, Haji Bahauddin Sumatera Jeneri, Haji Hasan Lampung, Haji Yaakub Legor dan Tok Lata (Patani). Tok Kenali kembali ke rahmatullah di kediamannya pada pukul 7.30 pagi Ahad 2 Syaaban 1352 bertepatan 19 November 1933 dan dikebumikan di Kubang Kerian. Lihat Abdul Hayei Abdul Sukor (1424H/2003M), "Sumbangan Tok Kenali Kepada Gerakan Tajdid Islam di Kelantan", *al-Bayan, Jurnal al-Quran dan al-Hadith*, Bil.1, Mei 2003/ Rabi'ul Awal 1424H, h. 3-10. Lihat juga Laman Utusan Online, http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2006&dt=1002&pub=_Utusan Malaysia&sec=Bicara Agama&pg=ba_01.htm

, 30 Januari 2008, Laman Kelantan, <http://kelantan.edu.my/tokkenali.htm>, 28 Januari 2008, dan Laman E-Mouse, <http://www.e-mosque.com.my/kenalipondok/ulama.html>, 7 Februari 2008.

³⁶ Nama penuh beliau iaitu Sheikh Wan Ismail bin Wan Abdul Kadir bin Wan Mutafa al-Faṭāñī. Beliau dilahirkan pada tahun 1300H/1882M di Kampung Bendang Daya, Patani. Bapa beliau iaitu Wan Abdul Kadir atau dikenali Sheikh Abdul Kadir seorang ulama besar di Patani pada separuh abad ke-19 dan juga merupakan seorang guru di pondok yang termasyur iaitu Pondok Bendang Daya yang telah diasaskan oleh Tok Bendang Daya. Datuk beliau, Wan Mustafa atau Tok Wan Pa merupakan imam yang merangkap hulubalang Patani pada awal abad ke-19. Manakala bapa-bapa saudara beliau terdiri daripada ulama-ulama besar iaitu Syeikh Wan Muhammad Zain al-Faṭāñī, Syeikh Wan Abdul Latif al-Faṭāñī dan Syeikh Wan Daud atau Pak Cik Daud al-Faṭāñī. Untuk keterangan yang lebih lanjut rujuk Ahmad Fathy al-Faṭāñī (2002), *op.cit.*, h. 168-170.

³⁷ Dato' Hj Mohd Noor bin Ibrahim adalah seorang ulama' Kelantan yang terkemuka dan dianggap tokoh paling masyhur selepas Tok Kenali. Beliau dilahirkan pada 20hb. Ogos 1905 di Kota Bharu. Bapa beliau adalah Haji Ibrahim Yusuff, Mufti Kerajaan Kelantan antara tahun 1928-1941. Setelah menamatkan

Pengkaji tidak menyebutkan keseluruhan nama-nama ulama tersebut dalam setiap generasi memandangkan jumlah mereka adalah terlalu ramai. Sekadar menyatakan beberapa nama ulama sahaja dalam setiap generasi sebagai memberi gambaran yang jelas tentang kelahiran dan perkembangan para ulama di alam Melayu ini. Tidak dapat dinafikan

persekolahan awal beliau di Madrasah Muhammadiyah, Majlis Agama Islam Kelantan, pada tahun 1923, beliau melanjutkan pelajaran agamanya di Mekah dalam pelbagai bidang ilmu meliputi bukan sahaja ilmu-ilmu agama tradisional seperti usuluddin, *fiqh*, hadith dan tafsir, tetapi juga ilmu-ilmu falak dan qiraat. Guru-guru beliau di Mekah antaranya ialah Sheikh Hasan al-Masyath, Tok Senggora, Sheikh Nuh Jamaludin Kelantan, Sheikh Mohd. Nor Patani, Tengku Mahmud Zuhdi al-Faṭānī, Chek Pak Ya al-Ramani dan lain-lain. Jawatan beliau yang pertama selepas pulang ke Kelantan ialah menjadi Qadhi Besar Kelantan pada tahun 1937. Beliau juga pernah memangku jawatan Mufti Khas antara 1hb. September 1941 hingga 28hb. Oktober 1944, iaitu sehingga jawatan berkenaan dihapuskan. Antara tahun 1949 hingga pertengahan tahun 1965, beliau menjadi guru di Jami' Merbau al-Ismail (kemudiannya Maahad Muhammadi) dan sekaligus mengajar di Masjid Muhammadi. Selang waktu antara pertengahan tahun 1965 hingga April 1968, beliau berkhidmat di Masjid Negara Kuala Lumpur, di Kelas Tahfiz al-Qur'an yang baru ditubuhkan (sekarang dikenali sebagai Darul Qur'an). Beliau juga turut menyusun *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Beliau dilantik menjadi Mufti pada 1hb. Mei 1968 berikutan kematian sahabatnya Dato' Haji Ahmad Maher. Jawatan ini disandang oleh beliau sehingga ke akhir hayat pada 13hb. Februari 1987. Beliau bukan sekadar seorang ulama, bahkan merupakan seorang hafiz dan ahli falak yang terkenal serta seorang penulis dan seorang yang alim yang menguasai bahasa Inggeris. Kemasyhuran beliau lebih banyak terserlah dalam bidang-bidang qiraat, falak, tafsir dan usuluddin, serta fikah sebagaimana layaknya beliau sebagai seorang Mufti. Lihat Ismail Che Daud (1996), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu (2)*, Kota Baharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan, h. 309-316 dan Mohamad Kamil Haji Ab. Majid (1424H/2003M), "Sumbangan Dato' Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim Kepada Bidang Tafsir dan Pengajian al-Quran", *al-Bayan, Jurnal al-Quran dan al-Hadith*, Bil.1, Mei 2003/ Rabi'ul Awal 1424H, h. 81-89.

³⁸ Haji Abdullah Tahir Bunut Payong dilahirkan pada 20 Jun 1897 bersamaan dengan 20 Muharram 1315H di Kg. Sireh, Kota Baharu, Kelantan. Beliau adalah seorang ulama yang masyhur, alim dalam ilmu fiqah dan merupakan pengasas Pondok Bunut Payong. Beliau adalah seangkatan dengan Haji Ali Pulau Pisang, Hj Yaakub Lorong Gajah Mati, Hj Saad Kangkong, Hj Ahmad Batu Tiga Repek, Hj Saleh Pedada dan lain-lain. Bapa beliau, Hj Ahmad b. Mohd Zain berasal dari Kg. Chepa, Kedai Lalat, Kelantan yang pernah berkhidmat sebagai Imam Tua di Masjid Langgar, Kota Baharu sehingga tahun 1920M. Beliau berguru dengan Tok Kenali selama 15 tahun dan kemudiannya menyambung pengajian di Makkah. Sekembali di Kelantan, beliau menjadi tenaga pengajar Halaqat Ilmu di Masjid Muhammadi. Beberapa tahun selepas itu, dalam tahun 1931 beliau membuka Pondok Bunut Payong. Antara murid-murid keluaran pondok beliau adalah seperti Haji Husain Rahimi, Hj Nik Man Sungai Budor, Haji Abdul Aziz Pasir Tumboh dan lain-lain. Kerana ketokohan yang dimiliki, beliau dilantik menganggotai Jemaah 'Ulama' Majlis Agama Islam Kelantan untuk beberapa penggal bermula seawal tahun 1932M. Beliau meninggal dunia pada pukul 7.20 pagi, hari Selasa, 4 Rabiulawal 1381H bersamaan 15 Ogos 1961. Lihat Ismail Che Daud (1996), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu (2)*, op.cit., h. 49-63.

³⁹ Beliau iaitu Sheikh Abdul Aziz bin Haji Abu Bakar dan lebih dikenali dengan nama Sheikh Abdul Aziz Pasir Tumboh. Beliau dilahirkan pada Ogos 1923 di Kampung Tenasik Limbat, Kota Bharu. Beliau menerima pendidikan awal daripada ayahnya sendiri dan kemudian memasuki Sekolah Melayu Kubang Keranji sehingga darjah IV. Kemudian beliau menyambung pengajian di Pondok Kenali tetapi tidak sempat berguru dengan Tok Kenali kerana ketika itu Tok Kenali telah kembali ke rahmatullah. Akan tetapi beliau sempat berguru dengan anak Tok Kenali iaitu Haji Ahmad bin Haji Muhammad Yusof (Tok Bangkok. m.1979) anak sulton Tok Kenali dan beberapa orang guru lain seperti Haji Muhammad Jebeng (anak saudara Tok Kenali, m.1945) dan Haji Ismail Perol (m.1984) serta ramai lagi. Beliau meninggal dunia pada hari Rabu malam Khamis 17 Jun 1987M bersamaan 20 Syawal 1407H. Lihat Ismail Che Daud (1992), op.cit., h. 327-339.

lagi bahawa suatu ketika dahulu para ulama telah memainkan peranan yang sangat besar ke arah pembangunan dan pembentukkan masyarakat Melayu yang beragama Islam serta mengamalkannya.

2.4 Bentuk Karya-Karya di Nusantara

Kebanyakan karya-karya yang dihasilkan dalam lingkungan abad tersebut adalah menjadikan kitab-kitab Arab sebagai sumber rujukan utama. Menurut C.S. Hurgronje lagi, hanya pengenalan (mukadimah), penutup dan sedikit tambahan isi sahaja adalah dari sumber pengarang sebenar, sementara sebahagian besar isi dan kandungannya adalah terjemahan.⁴⁰ Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga antara karya-karya tersebut daripada karya asli yang dihasilkan sendiri oleh tokoh-tokoh ulama ketika itu.

Secara umumnya, tiga bidang keilmuan utama yang masyhur dan menjadi topik perbincangan dikalangan ulama di Nusantara pada ketika itu, iaitu fikah (perundangan Islam), akidah (usuluddin) dan tasawuf (akhlak).⁴¹ Oleh itu, banyak karya yang dihasilkan tertumpu dalam lingkungan tiga bidang ini dan bidang keilmuan yang lain kurang menjadi tumpuan mereka termasuk bidang hadith.

Walaupun demikian, seperti mana diketahui hadith merupakan sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran. Bahkan hadith memainkan peranan penting sebagai

⁴⁰ C.S. Hurgronje (1906), *The Achehnese*, Layden: E.J. Brill, h. 5.

⁴¹ Mahayudin Haji Yahya (1994), *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks Jilid 1*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 34, 352 dan Faisal Ahmad Shah (2007), "Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Bahr al-Madhi", (Tesis PhD, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 58.

penghurai dan penjelas kepada ayat-ayat al-Quran sama ada sebagai menjelaskan kesamaran, mengkhususkan nas-nas yang umum, menghuraikan perkara yang tidak diterangkan di dalam al-Quran dan lain-lain lagi. Seolah-olah diumpamakan al-Quran dan al-Hadith sebagai isi dan kuku yang saling bergantungan antara satu sama lain. Oleh sebab tidak dapat dinafikan lagi bahawa di Nusantara perkembangan hadith juga berlaku secara tidak langsung di mana hadith-hadith dicatat dan ditulis di dalam kitab-kitab tawasuf, fiqh dan akidah. Peranan hadith di dalam karya-karya tersebut adalah sebagai dalil dan hujah terhadap perbincangan dan perbahasan yang dibawa.⁴² Malahan, hampir tidak ada karya penulisan dalam bidang Pengajian Islam yang tidak disertakan pendalilan berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w.⁴³ Bahkan, melalui keterangan tersebut dapat dihurai dan dijelaskan permasalahan tersebut agar sejajar dengan kehendak al-Quran dan kehendak Nabi s.a.w melalui hadith dan sunah baginda s.a.w.

Menurut Faisal Ahmad Shah yang memetik kenyataan Wan Mohd Shaghir Abdullah, antara pengaruh hadith yang paling ketara dalam karya-karya Jawi di Nusantara adalah melalui penekanan penulisnya kepada aspek-aspek silsilah. Silsilah dalam ilmu hadith dikenali sebagai *isnad* atau *sanad* yang merupakan satu elemen yang penting dalam bidang hadith khususnya dalam menilai ketulenan dan kesahihan sesebuah hadith.⁴⁴

Seterusnya, antara karya-karya dalam bidang tasawuf adalah *Hidāyah al-Sālikīn fī Maslak al-Muttaqīn* dan *Sayr al-Sālikīn ilā 'Ibādah al-'Ālamīn* karya Sheikh Abdul Samad al-Falimbānī. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Khadher bin Ahmad, beliau

⁴² *Ibid.*, h. 350.

⁴³ Martin Van Bruinessen (1999), *Kitab Kuning Pesantren Dan Tarekat : Tradisi-Tradisi Islam Di Indonesia*, Bandung: Mizan, h. 135 dan Faisal Ahmad Shah (2007), *op.cit.*, h. 58.

⁴⁴ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah, h. 76 dan Faisal Ahmad Shah (2007), *ibid.*, h. 59.

menyebutkan bahawa kitab *Hidāyah al-Sālikīn* memuatkan sejumlah hadith yang besar iaitu 183 hadith yang bercampur taraf atau martabatnya.⁴⁵ Usaha yang telah dilakukan oleh beliau dengan mentakhrij dan menganalisis keseluruhan hadith di dalam karya tersebut adalah amat bermanfaat dan berguna memandangkan karya tersebut menjadi panduan dan rujukan sehingga kini di dalam masyarakat. Selain itu, karya tasawuf lain adalah sebuah karya daripada seorang ulama Mandiling iaitu Sheikh Abdul Qadir al-Mandīlī yang berjudul *Penawar Bagi Hati* juga seperti karya *Hidāyah al-Sālikīn* yang memuatkan sebanyak 103 hadith yang dicatatkan di dalam karya tersebut.⁴⁶ Bagi kitab *Penawar Bagi Hati* akan dijelaskan oleh pengkaji dalam bab seterusnya memandangkan kitab tersebut menjadi salah satu daripada karya yang dijadikan bahan kajian oleh pengkaji. Seperti mana yang disebutkan, keseluruhan hadith-hadith yang dinyatakan atau dicatatkan di dalam kedua-dua karya di atas menjadi dalil atau nas dalam mengukuhkan dan membuktikan segala keterangan yang disebutkan di dalam kandungan kitab tersebut. Dengan itu, secara tidak langsung, hadith berkembang dan tersebar melalui karya-karya sebegini.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa karya-karya yang hadir di alam Melayu pada peringkat awalnya adalah memberi tumpuan kepada tiga bidang utama iaitu fikah (perundangan Islam), akidah (usuluddin) dan tasawuf (akhlak). Walaupun demikian, secara tidak langsung hadith dan ilmunya juga berkembang melalui ketiga-tiga bidang tersebut.

⁴⁵ Khadher Ahmad (2007), "Sumbangan Syeikh Abd al-Samad al-Falimbāñi Dalam Bidang Hadith: Analisis Metodologi Penyusunan Dan Takhrij Hadith Dalam Kitab *Hidāyah al-Sālikīn*", (Disertasi Sarjana, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Quran al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 67.

⁴⁶ Sheikh Abdul Qādir al-Mandīlī (1383H/1964M), *Penawar Bagi Hati*, Yala, Thailand: Sahabat Press, op.cet.4.

2.5 Karya-karya Awal Dalam Bidang Hadith Di Nusantara

Perkembangan penulisan hadith di Nusantara dapat dilihat melalui karya-karya yang dihasilkan berdasarkan kepada beberapa abad yang bermula pada abad ke-17 sehingga mencapai kegemilangannya perkembangannya pada antara abad ke-18 dan ke-19.

Melalui kertas kerja oleh Wan Mohd Shaghir Abdullah berjudul “*Perkembangan Penulisan Hadith Ulama Asia Tenggara*”, beliau telah membawa satu perbincangan yang menyentuh tentang hadith dan perkembangannya di Asia Tenggara. Namun, berdasarkan tulisan beliau itu, tidak banyak maklumat yang diperoleh secara terperinci berkaitan perkembangan hadith kecuali tertumpu pada menyatakan tentang catatan *sanad* atau *isnad hadith* seperti mana cacatan terhadap silsilah dalam sesebuah tarekat.⁴⁷ Manakala berkaitan karya-karya yang dihasilkan pula tertumpu pada karya-karya atau penulisan oleh tokoh-tokoh ulama tertentu.

Walau pun demikian, dalam abad ke-17, menurut Wan Mohd Shaghir lagi, terdapat dua buah penulisan besar khusus dalam bidang hadith iaitu hasil karya Sheikh Nuruddin al-Rānīrī (m.1069H) yang berjudul “*al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyyah*”⁴⁸

⁴⁷ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000), *op.cit.*, h. 76.

⁴⁸ Karya ini diselesaikan penulisannya pada hari Jumaat, bulan Syawal 1045H (Mac/April 1635M). Kandungannya terdiri daripada 831 buah hadith dan menggunakan sistem *rumuz* atau simbol bagi merujuk kepada periyat dan sumber hadith tersebut. Ia telah ditulis di Pahang dan kemudiannya dibawah ke Aceh serta diselesaikan di sana. Kitab telah dicetak dengan judul bersama *Hāshiyah Jāmi‘ al-Fawā'id* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatānī. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), “Perkembangan Penulisan Hadith Ulama Asia Tenggara”, (Kertas Kerja International Seminar on Islamic Studies In South-East Asia (ISIS) di Universiti Brunei Darussalam, pada 20-23 November 1995), h. 4, Mahayudin Haji Yahya (1994), *ibid.*, h. 48, Azyumardi Azra (1998), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 186-187, dan Faisal Ahmad Shah (2007), “Metodologi Penulisan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawī Dalam Baḥr al-Madhi”, (Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam, Universiti

atau dikenali juga dengan judul “*Hidāyah al-Habīb fī al-Targhib wa al-Tarhib*” dan karya Sheikh Abd al-Ra‘uf al-Fansūrī (m.1105H) yang berjudul “*Sharḥ al-Laṭā’if ‘alā Arba ‘īn Ḥadīthan.*”⁴⁹ Kedua-dua buah karya ini adalah merupakan di antara karya terawal dalam bidang hadith yang di hasilkan di alam Melayu. Dr. Azyumardi Azra mengkategorikan sebuah lagi karya Sheikh Abd al-Ra‘uf al-Fansūrī yang berjudul *al-Mawā‘iz al-Bādi‘ah* sebagai sebuah karya hadith kerana mengandungi himpunan hadith-hadith Qudsi yang membicarakan tentang Tuhan dan hubungannya dengan alam, neraka dan Syurga, dan cara-cara mendapatkan keredaan Tuhan.⁵⁰

Manakala dalam lingkungan abad ke-18 juga masih kurang, bahkan hampir tiada karya-karya yang ditulis khusus tertumpu dalam bidang hadith. Namun, seperti mana telah disebutkan oleh pengkaji, hadith tetap berkembangan melalui serapan dan peranannya sebagai hujah dan dalil yang dimuatkan bersama dalam kitab-kitab fikah, tasawuf dan akidah. Sebuah kitab hadith yang dihasilkan dalam lingkungan abad ini adalah berjudul *Tanbīh al-Ghāfiṭīn* karya seorang tokoh ulama Sheikh Abdullah bin Abdul Mubin Pauh Bok al-Faṭānī.⁵¹ Selain itu, terdapat juga karya yang bukan merupakan karya hadith sepenuhnya kecuali dicatatkan dalil-dalil daripada hadith Rasulullah s.a.w iaitu sebuah karya Sheikh Muhammad Arshad al-Banjārī yang berjudul *al-Qawl al-Mukhtaṣar fī*

Malaya), h. 63 serta Anwar Ridwan Zakaria dan Fauzi Deraman (1428H/2007M), "Perkembangan Huraian Hadith: Satu Sorotan", *al-Bayan, Jurnal al-Quran dan al-Hadith*, Bil.5, Mei 2007M/ Rabi‘ul Awal 1428H, h. 197.

⁴⁹ Karya ini diselesaikan pada hari Selasa, bulan Safar 1091H (Mac 1680M). Ia merupakan sebuah terjemahan dan huraian kepada kitab Imam al-Nawawī (m.676H) yang berjudul *Hadith Empat Puluh (Hadith al-Arba ‘īn)* yang merupakan kitab pertama dihasilkan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun pendekatan huraian terhadap hadith-hadith di dalam kitab ini adalah melalui pendekatan ilmu tasawuf dan tidak sama seperti huraian dan syarah oleh Imam al-Nawawī. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *ibid.*, h. 4 dan Faisal Ahmad Shah (2007), *ibid.*, h. 68.

⁵⁰ Karya ini diterbitkan di Mekah pada tahun 1310H/1892M bagi edisi keempat dan kelima dan pernah diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1369H/1949M. Lihat Azyumardi Azra (1998), *op.cit.*, h. 205 dan Faisal Ahmad Shah (2007), *ibid.*, h. 64.

⁵¹ Karya *Tanbīh al-Ghāfiṭīn* telah diselesaikan penulisannya pada tahun 1184H/ 1770M dan merupakan sebuah terjemahan pertama kepada *Tanbīh al-Ghāfiṭīn* karya al-Imām Abū al-Layth al-Samarqandī. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *ibid.*, h. 6.

*'Alāmāt al-Mahdī al-Muntazar.*⁵² Banyak hadith dimuatkan di dalam karya ini memandangkan perbahasan berkaitan kedatangan Imam Mahdi banyak bersumberkan daripada hadith-hadith Rasulullah s.a.w.

Menyelusuri abad seterusnya, penghasilan karya-karya hadith semakin berkembang dan bertambah. Dalam lingkungan abad ke-19, terdapat seorang ulama yang produktif dan telah menghasilkan banyak kitab yang merangkumi dalam pelbagai bidang keilmuan. Beliau adalah Sheikh Dawud bin Abdullah al-Faṭānī. Dalam bidang hadith beliau juga tidak terlepas untuk menghasilkan beberapa karya seperti *Farā'id Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdī*,⁵³ *Kashf al-Ghumma fī Aḥwāl al-Mawtā fī al-Barzakh wa al-Qiyāmah*,⁵⁴ *Hadīth Arba'iñ*,⁵⁵ dan *Hikayat Imam* sebuah karya berkaitan ilmu Rijāl al-Hadīth dan merupakan karya terawal berbahasa Melayu yang membicarakan tentang ilmu Rijāl al-Hadīth.⁵⁶

Selain itu, terdapat juga karya-karya daripada ulama sezaman dengan Sheikh

⁵² Karya ini mula dikarang pada hari Khamis, 22 Rabi'ul Awal tahun 1196H/ 1728M dan disusun daripada beberapa sumber karya-karya ulama seperti Sayyid Ja'far al-Barzanji, Abd al-Qadir al-Fiqihi, Ibn Hajar al-Haythami dan Ibn Yusuf al-Hanbalī. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, cet.1, h.. 75 dan Mahyudin Haji Yahya (1994), *op.cit.*, h. 70-72.

⁵³ Karya ini diselesaikan pada malam Sabtu, bulan Zulkaedah 1215H/ April 1801M dan merupakan terjemahan daripada karya Syeikh Mirghani bin Yusuf yang membicarakan tentang kedatangan Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Lihat Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 6 dan Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), "Sumbangan Haji Abdul Halim al-Hadi Dalam Bidang Hadith: Tumpuan Kepada Kitab Tajdhib Atraf al-Hadith", (Disertasi Sarjana, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 39.

⁵⁴ Karya ini disiapkan pada 20 Rabi'ul Awal 1238H dan merupakan sebuah terjemahan dari kitab *Kashf al-Ghumma* karangan 'Abd al-Wahab al-Sha'rani dan ditashihkan semula oleh Syeikh Ahmad al-Fatānī. Lihat Ahmad Fathy al-Fatānī (2002), *Ulama Besar Dari Patani*, Selangor, Bangi: Penerbit UKM, *op. cet.1*, h. 34.

⁵⁵ Karya ini berbeza dengan *Hadīth al-'Arba'iñ* karya Imam al-Nawawī yang masyhur dan ia dimuatkan dalam karya beliau yang berjudul *Hidāyah al-Muta'alimīn*. Karya ini pernah disalin secara berasingan oleh seorang murid beliau iaitu Muhammad Nuruddin bin Haji Abdul Gahfur al-Faṭānī pada tahun 1266H/1849-1850M. Hadith-hadith yang disebutkan di dalam karya tersebut adalah dipetik daripada kitab *Kashf al-Ghumma* 'an Jāmi' al-Ummah karangan 'Abd al-Wahab al-Sha'rani. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 5, Fauzi Deraman (1997), "Kedudukan Hadith Dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syeikh Dawud bin Abdullah al-Faṭānī", (Tesis Ph.D, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 9.

⁵⁶ Menurut Wan Mohd Shaghir Abdullah karya ini belum ditemui. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *ibid.*, h. 6-7.

Dawud bin Abdullah al-Faṭāñī. Antara karya-karya tersebut adalah seperti; *Shifā’ al-Qulūb*⁵⁷ karya Abdullah al-Asyī seorang ulama Aceh, *al-Yawāqit wa al-Jawāhir* karya Sheikh Muhammad ‘Alī bin Abdul Rashid bin Abdullah al-Qādī al-Jāwī al-Sumbawī⁵⁸, *Tadhkīrah al-Mawdū’āt* karya Sheikh Muhammad bin Tahir al-Faṭāñī,⁵⁹ *Hidāyah al-Mukhtar* karya Sheikh Wan Hassan bin Wan Ishaq al-Faṭāñī,⁶⁰ *Fath al-Mubīn*⁶¹ karya Sheikh Salih bin Murid Rawa, *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* karya Sheikh Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan,⁶² dua buah karya Sheikh Muhammad Nawawi bin ‘Umar al-Bantāñī al-Jāwī iaitu *Tanqīh al-Qawl al-Hathīth bi Sharḥ Lubāb al-Hadīth*⁶³ dan *Naṣā’ih al-‘Ibād Sharḥ Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād li Yawm al-Ma’ād*,⁶⁴ Kitab *Naṣīḥah Ahl al-Wafā’ ‘Alā Waṣīyyah al-Muṣṭafā* karya Sheikh Ahmad bin Muhammad

⁵⁷ Karya ini telah ditulis pada tahun 1225H/1810M. Kandungannya terdiri daripada 40 bab yang disertakan dengan 400 buah hadith dalam 57 halaman. Perbincangan kitab ini banyak tertumpu kepada kelebihan sesuatu amalan atau disebutkan sebagai *Fadā’il al-A’māl*. Lihat Mahayudin Haji Yahya (1994), *op.cit.*, h. 283-284 dan Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *op.cit.*, h. 38.

⁵⁸ Karya ini dihasilkan pada tahun 1234H/1827M dan merupakan terjemahan daripada karya Syeikh ‘Abd al-Wahhāb al-Sha‘rāñī. Karya ini mengandungi hadith-hadith tentang seksaan orang yang berdosa besar serta berkaitan Syurga dan Neraka. Lihat Fauzi Deraman (1997), *op.cit.*, h. 47.

⁵⁹ Tiada maklumat lanjut berkaitan karya ini kecuali dinyatakan sebagai sebuah karya hadith. Lihat *ibid.*, h. 46-47.

⁶⁰ Merupakan sebuah terjemahan yang dilakukan oleh Syeikh Wan Hassan bin Wan Ishaq al-Faṭāñī daripada karya al-Khāṭib ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhīrī. Syeikh Wan Hassan pernah menetap di Besut, Terengganu. Karya ini siap dihasilkan pada hari Jumaat, 26 Muharram 1249H. Lihat Ahmad Fathy al-Faṭāñī (2002), *op.cit.*, h. 252 dan Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *op.cit.*, h. 40.

⁶¹ Karya ini juga merupakan karya yang berkait dengan karya *Hadith Empat Puluh Imam al-Nawawī* yang disyarahkan oleh Syeikh Salih bin Murid Rawa berdasarkan ilmu fikah. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 5.

⁶² Karya ini diselesaikan penulisannya di Mekah pada malam Selasa, 2 Jamadil Awal 1306H. Ia telah ditashihkan oleh Syeikh Ahmad al-Faṭāñī. Karya ini adalah sebuah syarah berbahasa Melayu kepada hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Lubāb al-Hadīth* karya al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūtī. Lihat Ismail Che Daud (1988), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *op. cet.1*, h. 79 dan Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *ibid.*, h. 8-9.

⁶³ Karya ini adalah sebuah karya syarah kepada hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Lubāb al-Hadīth* karangan al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūtī yang menggunakan bahasa Arab. Karya ini menekankan kepentingan sanad-sanad hadith dan latar belakang perawi serta kesahihan sesbuah sanad. Lihat Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *op.cit.*, h. 43.

⁶⁴ Karya ini telah diselesaikan penulisannya pada hari Khamis, 21 Safar 1311H dan merupakan sebuah syarah kepada karya Ibn Ḥajar al-Asqalāñī yang berjudul *Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād li Yawm al-Ma’ād* yang mengandungi lebih daripada dua ratus lima puluh buah hadith yang dibincangkan. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 7-8 dan Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *ibid.*, h. 43.

Yunus Lingga,⁶⁵ dan *Sahīḥ al-Bukhārī* dengan tiga juzuk sahaja karya Muhammad Amin bin ‘Abd al-Manaf.⁶⁶

Dalam pada itu, terdapat lagi seorang ulama yang produktif seperti Sheikh Dawud bin Abdullah al-Faṭānī iaitu Sheikh Ahmad al-Faṭānī yang juga menghasilkan karya dalam pelbagai bidang keilmuan. Terdapat beberapa buah karya hadith yang dihasilkan oleh beliau seperti *Bishārāt al-Āmilīn wa Nadhārāt al-Ghāfilīn*,⁶⁷ *Hadith Memulakan Makan Dengan Garam Dan Disudahi Dengan Garam*, *Hadith-Hadith Pilihan* dan sebuah karya berkaitan *Rijāl al-Hadīth* yang masih dalam berbentuk manuskrip yang tidak lengkap.⁶⁸

Menyelusuri abad seterusnya, dalam abad ke-20, perkembangan hadith dan ilmunya semakin berkembang dari hari ke hari. Para ulama telah berusaha keras dan gigih sebagai satu kesinambungan dakwah dan menyampaikan risalah yang telah dipelopori Nabi s.a.w dan para Sahabat baginda sebelum ini. Oleh itu, dalam abad ini semakin banyak karya-karya hadith dihasilkan. Antara mereka yang terlibat dalam aktiviti penulisan dan penghasilan karya-karya hadith tersebut adalah seperti; Sheikh ‘Uthman bin Shihabuddin Pontianak al-Banjari yang menghasilkan karya berjudul *Irshād al-’Ibād Penjaga Dan Bekal*

⁶⁵ Karya Syeikh Ahmad Lingga ini diselesaikan penulisannya pada hari Sabtu, 11 Syawal 1312H di Mekah. Karya ini mengandungi wasiat-wasiat Rasulullah s.a.w kepada Saydina Ali r.a. Lihat Mohd Shaghir Abdullah (1995), *ibid.*, h. 11.

⁶⁶ Tidak diketahui tahun dihasilkan karya ini kecuali dinyatakan sebagai sebuah karya yang dihasilkan oleh Muhammad Amin bin ‘Abd al-Manaf yang berasal dari Banjar Amuntal, Kutai Teggarung seperti mana disebutkan oleh Mahyudin Haji Yahya. Lihat Mahyudin Haji Yahya (1994), *op.cit.*, h. 31.

⁶⁷ Karya ini diselesaikan penulisannya pada malam Ahad, 14 Rabi’ul Akhir 1304H/1887M di Mekah. Syeikh Ahmad al-Faṭānī menyebutkan bahawa untuk meringkaskan kitab ini, beliau meninggalkan daripada membicarakan tentang sanad hadith. Oleh itu, hanya dinyatakan hadith tanpa sanad yang berkaitan dengan hadith *al-targhib wa al-tarhib*. Pernah diterbitkan oleh Matba‘ah al-Miriyyah dan Persama Press, Pulau Pinang Lihat Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit.*, h. 60 serta Faisal Ahmad Shah (2007), *op.cit.*, h. 64.

⁶⁸ Karya dalam *Rijāl al-Hadīth* ini adalah catatan beliau tentang nama seseorang ulama hadith dan beberapa ulama lain yang bermula daripada nama ulama tersebut sehingga beberapa generasi sebelumnya yang diketahui termasuk nama guru-guru mereka yang disertakan dengan sanad lengkap, tahun kelahiran dan tahun kematian. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 9-10 dan Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *op.cit.*, h. 42.

Hari Akhirat,⁶⁹ Sheikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasi dengan dua buah karya iaitu *Manhaj Dhawi al-Nadhar*⁷⁰ dan *Kifayah al-Mustafid Limā ‘Alā Min al-Asānid*,⁷¹ Haji Muhammad Husayn bin Abdul Latif atau Tok Kelaba dengan karya *Mulāyanah al-Qulūb Ilā al-Tadhakkur li ‘Alāmāt al-Ghuyūb*,⁷² Sheikh Husayn Nasir bin Muhammad Tayyib al-Banjari dengan karya berjudul *Tadkir Qabā’il al-Qādī fī Tarjamāt al-Bukhārī*,⁷³ Tuan Guru Haji Mukhtar bin Ahmad bin Muhammad Zayn dengan karya berjudul *Kanz al-Amin fī Sharh al-Arba’īn*,⁷⁴ Mustafa ‘Abdul Rahman Mahmud dengan karya *Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah*,⁷⁵ dan Ustaz Abdul Halim Hadi dengan beberapa buah karya dalam bidang hadith iaitu *Tajdhib Aṭrāf al-Hadīth bi Sharḥ ma fī Kitāb Mukhtar al-Āḥādīth*⁷⁶ dan *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,⁷⁷ serta *Syarah Ṣaḥīḥ Muslim*.⁷⁸

⁶⁹ Karya ini diselesaikan penulisannya pada 1324H/1906M dan merupakan sebuah terjemahan daripada karya Ibn Hajar al-Asqalani yang berjudul *Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād li Yawm al-Mā’ād*. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *ibid.*, h. 11.

⁷⁰ Tiada maklumat lengkap tentang karya ini kecuali dinyatakan sebagai sebuah karya yang dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasi yang berkaitan dengan hadith. Lihat Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *op.cit.*, h. 44.

⁷¹ Karya ini tertumpu dalam membincarkan pelbagai sanad hadith yang bermula sanadnya daripada beliau sendiri, diikuti guru beliau sehingga ke atas. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 12 dan Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *ibid.*

⁷² Karya ini selesai ditulis pada hari Jumaat, 8 Muharram 1314H. Kandungannya mengandungi hadith-hadith tentang menangis takut kepada Allah dengan disertakan huraiannya. Karya ini berbahasa Arab dan setelah 43 halaman dan masih dalam bentuk manuskrip. Lihat Ahmad Fathy al-Fatāñi (2002), *op.cit.*, h. 103.

⁷³ Karya ini adalah sebuah terjemahan daripada lafadz hadith dari karya *Jawāhir al-Bukhārī* dan sebahagian daripada *Sharah al-Qastallāni* yang disebarluaskan oleh seorang ulama Mesir yang bernama Syeikh Mustafa Muḥammad Ḥimārah al-Masriyyah daripada kitab beliau yang berjudul *Hadiqah al-Āḥādīth al-Bukhārī*. Terdapat lebih daripada 700 buah hadith yang disebutkan. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 13.

⁷⁴ Karya ini diselesaikan pada tahun 1938M. Lihat Fauzi Deraman (1997), *op.cit.*, h. 49 dan Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *op.cit.*, h. 45.

⁷⁵ Karya ini adalah daripada sebuah karya yang berjudul *Ḩāshiyah ‘Alā Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah li al-Bukhārī* karangan Syeikh Ṣinwāni yang diterjemahkan oleh Mustafa ‘Abdul Rahman pada tahun 1369H/1950M dan diberi pengantar kata oleh Syeikh Abdullah Fahim. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 13.

⁷⁶ Karya ini disiapkan pada hari Rabu, 9 Rabi’ul Akhir 1357H/ 8 Jun 1938M. Terdiri daripada dua jilid dan disebutkan sebagai satu usaha terjemahan dan huraian daripada karya Sayyid Ahmad al-Ḥāshimī yang berjudul *Mukhtar al-Āḥādīth*. Lihat Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *op.cit.*, h. 46 dan Noor Azma binti Mohammad Khassim (2002), "Sumbangan Sheikh Abdul Halim al-Hadi Kepada Pengajian Hadith: Tumpuan Terhadap Kitab *al-Ilm dalam Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*", (Latihan Ilmiah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM), h. 22.

⁷⁷ Karya ini adalah sebuah karya syarah terhadap *Sahih al-Bukhārī*. Namun, karya ini tidak disiapkan sepenuhnya kerana Ustaz Abdul Halim Hadi meninggal dunia sebelum dapat menyiapkan kitab ini. Ia cuma terdiri daripada 10 penggal sahaja yang disiapkan. Penggal pertama dicetak pada tahun 1949M dan penggal 10 pada 1954M. Lihat Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *ibid.*, h. 46, Abdul Halim al-Hadi (1949),

Terdapat juga beberapa karya lagi yang dihasilkan dalam abad ini seperti *Maṭāli'* *al-Anwār* 'Alā Majāmi' *al-Azhār*,⁷⁹ karya Sheikh 'Uthman Jalaluddin al-Kalantānī, *Muhimmah fī 'Ilm al-Hadīth* karya Sheikh Abdullah bin Abdul Rahim al-Faṭānī, *Bulūgh al-Marām* dalam Bahasa Melayu oleh Isma'il dan Sulaiman yang dicetak di Pulau Pinang oleh Percetakan al-Ma'ārif, *Riyāḍ al-Sālihiṇ* oleh Imam al-Nawawī yang diterjemahkan oleh Sharif bin Dawud Bangkalis dan sebuah karya lagi yang berjudul *Kepalsuan Yang Masyhur Dalam Mejelaskan Beberapa Hadith dan Khabar yang Masyhur* karya Ahmad Ali Abu Bakar.⁸⁰

Terdapat sebuah karya yang terbesar dan sehingga sekarang masih digunakan dalam pengajaran khususnya di masjid-masjid, pondok-pondok dan surau. Bahkan ia juga menjadi salah satu bahan kajian dikalangan para sarjana di universiti. Karya tersebut adalah *Baḥr al-Mādhi li Sharḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* karangan Sheikh Muḥammad Idris bin 'Abd al-Ra'ūf al-Marbawi. Jilid terakhir iaitu jilid 22 karya ini diselesaikan pada 2 Jamadil Akhir 1377H/ 24 Disember 1957. Karya tersebut adalah sebuah terjemahan lengkap dan ulasan terhadap kitab *Mukhtaṣar al-Jāmi' al-Tirmidhī*.⁸¹

Daripada keseluruhan perbincangan yang dikemukakan, pengkaji tertarik untuk

Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Pulau Pinang: Persama Press dan lihat juga Noor Azma binti Mohammad Khassim (2002), *ibid.*, h. 23.

⁷⁸ Tiada maklumat yang diperolehi setakat ini berkaitan dengan karya ini. Lihat Noor Azma binti Mohammad Khassim (2002), *ibid.*

⁷⁹ Karya ini pertama kali dicetak pada tahun 1352H/ 1933M. Sebahagian daripada kandungannya terhadap satu perbicaraan tentang 'Ulum al-Hadith dan disertakan tentang sejarah penulisan dan penyusunan hadith para peringkat awal Islam dan selepas itu beserta tokoh-tokoh yang terlibat. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 47.

⁸⁰ Lihat Abd Ur-Rahman bin Mohamed Amin (2006), *op.cit.*, h. 47-48 dan Fauzi Deraman (1418H/1997M), *op.cit.*, h. 173.

⁸¹ Wan Mohd Shaghir Abdullah (1995), *op.cit.*, h. 16-18.

mengetengahkan keterangan yang disebutkan oleh Faisal Ahmad Shah dalam tesis beliau iaitu, secara keseluruhannya karya-karya dalam bidang hadith di alam Melayu ini dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu kitab-kitab Jawi yang mengandungi himpunan hadith-hadith pilihan daripada pelbagai kitab hadith seperti *al-Fawā'id al-Bahiyyah fi al-Aḥādīth al-Nabawiyyah* karya Sheikh Nuruddin al-Ranīrī (m.1069H), *al-Maw'iẓ al-Badi'ah* karya Sheikh Abd al-Ra'uf al-Fansūrī dan lain-lain; Kitab-kitab Jawi yang mengandungi himpunan hadith-hadith pilihan berserta syarahan seperti *Idangan Guru Sahih al-Bukhārī dan Muslim* karya Sheikh Idris al-Marbawī, *Pelajaran Hadith Dari Segi Didikan Jiwa dan Akhlak* karya Sheikh Ismail Yusuf (1988M), kitab-kitab Jawi terjemahan daripada kitab-kitab hadith berserta syarahan seperti *Sharḥ al-Latāif al-'Arba 'īn ḥadīthān li al-Imām al-Nawawī* oleh Sheikh Abd al-Ra'uf al-Fansūrī (1105H), *Fath al-Mubīn* karya Sheikh Muhammad Salih bin Muhammad Murid Rawa dan lain-lain; Kitab-kitab Jawi terjemahan tanpa syarahan daripada penulis kitab seperti *Tanbīh al-Ghāfilīn* karya Sheikh Abdullah bin Abdul Mubin al-Faṭānī iaitu hasil terjemahan daripada karya *Tanbīh al-Ghāfilīn* karangan Abū al-Layth al-Samarqandī dan lain-lain; Kitab-Kitab Jawi dalam pelbagai bidang yang menjadikan hadith Nabi s.a.w sebagai dalil dan rujukan seperti *Farā'id Fawā'id Fikr fī Imām Mahdī* karya Sheikh Daud al-Faṭānī dan lain-lain serta Kitab-kitab yang membicarakan ilmu-ilmu yang berkait dengan *Muṣṭalah al-Hadīth* seperti *Tadhkirah al-Mawdū 'āt* oleh Sheikh Muhammad bin Tahir al-Faṭānī, *al-Qutūf al-Daniyyah Sharḥ Matn al-Bayqūniyyah* oleh Dato' Hj. Ismail Yusof (m.1988M) dan sebagainya.⁸²

Berdasarkan pengkategorian ini, secara jelas pembahagian yang dikemukakan oleh Faisal Ahmad Shah memberikan satu pendedahan baru berkaitan karya-karya hadith di alam Melayu ini. Bahkan, menggambarkan bahawa alam Melayu juga tidak terlepas daripada

⁸² Faisal Ahmad Shah (2007), *op.cit.*, h. 64-79.

mengalami perkembangan ilmu yang pesat juga.

Sebagai tambahan lagi, sesuatu yang perlu juga diketengahkan oleh pengkaji adalah bagaimana usaha yang berterusan kini ke arah membantu perkembangan hadith di Alam Melayu khususnya di Malaysia terus berlaku dengan pesat sekali. Usaha tersebut merangkumi aspek pengajian dan pendidikan sama ada secara rasmi seperti sekolah dan institut-institut pengajian tinggi atau secara tidak rasmi melalui kuliah-kuliah agama di masjid, surau, pondok dan sebagai. Selain itu, usaha melalui penulisan atau penghasilan karya dan sebagainya lagi. Salah satu usaha yang begitu ketara adalah usaha dan kajian-kajian yang dilakukan oleh para pelajar khususnya di peringkat tinggi yang mengkaji karya-karya lama tersebut. Melalui kajian dan penyelidikan ini khususnya terhadap karya-karya Jawi lama telah memberi pendedahan secara tidak langsung perkembangan hadith di alam Melayu ini pada peringkat awal dan usaha-usaha memperkenalkan kitab-kitab Jawi dalam bidang hadith kepada masyarakat. Segala usaha ini secara tidak langsung menggambarkan perkembangan yang kian pesat terhadap bidang hadith kini. Penyelidikan tersebut sama ada kajian yang tertumpu pada sesebuah karya Jawi melalui usaha mencari sumber atau takhrij hadith-hadith di dalam kitab tersebut dan disertakan ulasannya, atau melalui kajian secara menyeluruh terhadap karya-karya hadith yang terdapat di alam Melayu sama ada di Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan sebagainya.